

08/02/1998

Semua bahagian patut ikut nasihat Presiden

KUALA LUMPUR: Presiden Umno berkata, nasihatnya supaya jawatan ketua bahagian di Kelantan tidak dipertandingkan dalam pemilihan kali ini, boleh diikuti semua bahagian di negeri lain.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, ahli Umno yang mengutamakan kepentingan parti, sudah tentu menerima nasihatnya.

"Nasihat itu untuk Kelantan saja kalau di tempat lain berguna, apa salahnya. Tidak guna saya membuat nasihat yang ditolak kerana kepentingan diri.

"Kalau mereka mengutamakan kepentingan parti, mereka akan terima nasihat saya itu untuk perjuangan parti," katanya kepada pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Abdul Aziz di Subang, semalam.

Beliau berkata demikian ketika mengulas kekeliruan ahli Umno berhubung nasihat beliau sebelum ini yang dianggap sebagai arahan.

Dr Mahathir berkata, terpulang kepada ahli untuk menerimanya sebagai nasihat atau arahan.

Perdana Menteri selepas mempengerusikan mesyuarat Badan Perhubungan Umno Kelantan di Rumah Sri Kelantan, akhir bulan lalu, berkata semua 14 jawatan Ketua Umno bahagian di negeri itu tidak akan dipertandingkan dalam pemilihan peringkat bahagian.

Persetujuan itu dicapai bagi memastikan keutuhan perpaduan parti bagi mengelak perpecahan yang boleh merugikan Umno dan Barisan Nasional (BN) Kelantan.

Menurut Perdana Menteri, persetujuan supaya jawatan ketua bahagian itu tidak dipertandingkan dicapai demi menjaga perpaduan dalam Umno sendiri sekali gus mengelakkan berlakunya perpecahan.

"Ketua bahagian akan kekal dan tiada cabaran melainkan kalau ketua bahagian bersetuju berundur diri atau tidak menawarkan diri untuk bertanding," katanya.

Semalam, Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Datuk Annuar Musa, pula berkata kenyataan Dr Mahathir agar jawatan ketua bahagian tidak dipertandingkan adalah berbentuk arahan dan bukan nasihat.

Beliau berkata, kesimpulan itu berdasarkan beberapa perkara, termasuk permintaan Dr Mahathir supaya semua ketua bahagian memberi tempat yang tidak dapat bertanding dan menghentikan segala bentuk kempen.

Selain itu, Annuar berkata, Dr Mahathir juga mengarahkan Umno bahagian Gua Musang diterajui Tengku Razaleigh Hamzah, mengambil alih kedudukan penyandangannya sekarang, Saudi Deraman.

(END)